



SULIT

MITI.S.600-4/5/11 (26)

23 Mei 2025

SEGERA DENGAN E-MEL

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN I

Salam Sejahtera YBhg. Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato',

**JEMPUTAN KE SESI RUNDINGAN PERTAMA PERJANJIAN PERDAGANGAN
BEBAS MALAYSIA – KESATUAN EROPAH (MALAYSIA - EUROPEAN UNION
FREE TRADE AGREEMENT- MEUFTA), 30 JUN HINGGA 4 JULAI 2025,
BRUSSELS, BELGIUM**

Dengan segala hormatnya, saya ingin menarik perhatian
YBhg. Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/ Dato' kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman, semasa lawatan kerja YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia ke Brussels, Belgium pada 19 hingga 20 Januari 2025, satu Kenyataan Berasingan oleh YAB Perdana Menteri dan Puan Yang Terutama Ursula von de Leyen, Presiden Kesatuan Eropah telah dikeluarkan secara serentak bagi menzahirkan kesediaan kedua-dua pihak untuk menyambung semula rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia – Kesatuan Eropah (MEUFTA) yang telah dihentikan sejak tahun 2012.

3. Susulan daripada pengumuman tersebut, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), selaku Kementerian penyelaras, sedang menyediakan satu Memoradum Jemaah Menteri yang akan dibentangkan pada 11 Jun 2025 bagi mendapatkan kelulusan Jemaah Menteri berkenaan penyambungan semula rundingan termasuk tarikh rundingan pusingan pertama MEUFTA.

4. Berdasarkan hasil perbincangan dengan Ketua Perunding EU pada 28 April 2025 di Kuala Lumpur, kedua-dua pihak telah bersetuju untuk sesi rundingan pertama MEUFTA diadakan seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 30 Jun hingga 4 Julai 2025
Tempat : Brussels, Belgium

SULIT

SULIT

5. Bagi menjayakan sesi rundingan pertama MEUFTA, MITI berbesar hati menjemput Peneraju (Lead), Penolong Peneraju (Assistant Lead) serta wakil Kementerian yang terlibat dengan 21 Bab di bawah MEUFTA untuk menyertai sesi rundingan berkenaan di Brussels, Belgium. Demi memperlihatkan kesungguhan Malaysia untuk berunding dan mengenali rakan sejawat dan pasukan perunding dari EU, MITI memohon supaya wakil Kementerian/Agensi yang berada di bawah seliaan YBhg. Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato' menyertai sesi rundingan pertama ini **secara bersemuka di Brussels.**

6. Sehubungan itu, kerjasama pihak YBhg. Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato' adalah dipohon untuk melengkapkan borang penyertaan seperti di **Lampiran II** dan mengemukakan kepada pegawai-pegawai penyelarasan MEUFTA bagi Malaysia iaitu asmidar.rahman@miti.gov.my dan aaron@miti.gov.my **selewat-lewatnya pada Jumaat, 30 Mei 2025** untuk dikemukakan kepada pihak Kesatuan Eropah bagi penyelarasan logistik dan penginapan selanjutnya.. Sebagai mana kelaziman rundingan perjanjian perdagangan bebas untuk pasukan perunding Malaysia, urusan pengangkutan dan penginapan perlu diuruskan dan ditanggung oleh pihak Kementerian dan agensi masing-masing. MITI akan mengemukakan maklumat lanjut berkenaan penginapan selepas menerimanya dari pihak EU.

7. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk Seri/ Datuk/ Dato' Seri/ Dato' dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh diajukan kepada Cik Asmidar Abdul Rahman (asmidar.rahman@miti.gov.my) atau Encik Aaron Pui (aaron@miti.gov.my).

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(MASTURA AHMAD MUSTAFA)

Timbalan Ketua Setiausaha Perdagangan

Ketua Perunding MEUFTA Malaysia

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri

s.k.: KSU

SULIT

SENARAI EDARAN DALAMAN

1. **YBhg. Datuk Hanafi bin Sakri**
Timbalan Ketua Setiausaha Industri
2. **YBhg. Datuk Bahria binti Mohd Tamil**
Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan dan Pelaburan
3. **YBr. Encik Jaya Singam Rajoo**
Pengarah Kanan
Bahagian Dasar dan Rundingan Pelbagaihala
4. **YBr. Encik Faizal bin Mohd Yusof**
Pengarah Kanan
Bahagian Pembangunan Industri
5. **YBr. Encik See Chee Kong**
Pengarah Kanan
Bahagian Pembangunan Sektor Perkhidmatan
6. **YBr. Dr. Sugumari a/p Shanmugam**
Pengarah Kanan
Bahagian Integrasi Ekonomi ASEAN
7. **YBr. Puan Nor Hasnah binti Badroddin**
Pengarah Kanan
Bahagian Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus Dalam Industri
8. **YBr. Puan Punitha Veni a/p Muthusamy @ Nallathamby**
Pengarah Kanan
Bahagian Perancangan Strategik
9. **YBr. Puan Jamilah binti Haji Hassan**
Pengarah Kanan
Bahagian Sokongan Perdagangan dan Industri
10. **YBr. Dr. Umminasrah binti Othman**
Pengarah Kanan
Bahagian Dasar Pelaburan dan Fasilitasi Perdagangan
11. **YBr. Puan Sumathi a/p Balakrishnan**
Pengarah Kanan
Bahagian Rundingan Strategik
12. **YBr. Puan Punitha Veni a/p Muthusamy @ Nallathamby**
Pengarah Kanan
Bahagian Perancangan Strategik

SULIT

13.YBrs. Dr. Rashidi bin Said

Pengarah Kanan
Bahagian Hubungan Perdagangan Ekonomi Dua Hala

14.YBrs. Dr. Paramanathan a/l Sandran

Pengarah
Bahagian Kewangan

15.YBrs. Puan Marweena binti Manan

Pengarah
Bahagian Ekonomi Digital

SENARAI EDARAN LUAR

16.YBhg. Dato' Mohd Dusuki bin Mokhtar

Peguam Negara
Jabatan Peguam Negara
No.45, Persiaran Perdana, Presint 4
62100 PUTRAJAYA

17.YBhg. Datuk Johan Mahmood Merican

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA

18.YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak

Ketua Setiausaha
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
Wisma Tani, No. 28, Persiaran Perdana
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62624 PUTRAJAYA

19.YBhg. Dato' Nor Azmie bin Diron

Ketua Setiausaha
Kementerian Ekonomi
Menara Prisma
No. 26, Persiaran Perdana, Presint 3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 PUTRAJAYA

SULIT

SULIT

20.YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimie bin Daud

Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
Blok E4/5, Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62668 PUTRAJAYA

21.YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar

Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup
No. 13, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62623 PUTRAJAYA

22.YBhg. Dato' Anis Rizana binti Mohd Zainudin @ Mohd ZAINUDDIN

Ketua Pengarah Kastam
Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Kompleks Kementerian Kewangan No 3,
Persiaran Perdana, Presint 2
63596 PUTRAJAYA

23.YBrs. Encik Hussalmizzar Hussain

Pengarah Kanan Standardisasi
Jabatan Standard Malaysia
Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri
Aras 4-7, Menara 2
Menara Cyber Axis
Jalan Impact, Cyber 6
63000 CYBERJAYA

Badan Berkanun Persekutuan

24.YBrs. Encik Zahid bin Ismail

Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri
Aras 2, Blok Inovasi
Lorong Produktiviti Off Jalan Sultan
46200 SELANGOR

SULIT

**PENYERTAAN KEMENTERIAN/ AGENSI KE SESI RUNDINGAN PERTAMA
PERJANJIAN PERDAGANGAN BEBAS MALAYSIA – KESATUAN EROPAH
(MALAYSIA - EUROPEAN UNION FREE TRADE AGREEMENT - MEUFTA)
30 JUN HINGGA 4 JULAI 2025
BRUSSELS, BELGIUM**

BAB: _____

Nota: Sila isi borang yang berasingan sekiranya penyertaan Kementerian / Agensi adalah mewakili lebih dari satu (1) Bab.

SOALAN 1

Penyertaan Kementerian / Agensi ini untuk Bab yang dinyatakan di atas adalah secara (sila tandakan / di petak yang berkenaan):

a)	Bersemuka di Brussels	
b)	Maya	

SOALAN 2

Sila isikan butiran Pegawai yang akan menyertai rundingan di bawah:

a) Pegawai 1

Nama :

Jawatan :

Bahagian :

Peranan
(Peneraju /
Penolong) :
No. Telefon :

E-mel :

No. Passport :

SULIT

b) Pegawai 2

Nama :

Jawatan :

Bahagian :

Peranan
(Peneraju /
Penolong) :

No. Telefon :

E-mel :

No. Passport :

Sila kembalikan borang ini selewat-lewatnya pada Jumaat, 30 Mei 2025 kepada asmidar.rahman@miti.gov.my dan aaron@miti.gov.my